



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**KAMPUNG HAJI NOOR DIPILIH SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT MADANI JTKSM
2026 BAGI MEMPERKASA PRASARANA KOMUNITI DAN MODAL INSAN**

1. **Kampung Haji Noor, Simpang Renggam, Johor** terpilih sebagai **Kampung Angkat MADANI JTKSM Bagi Tahun 2026**.
2. Pelaksanaan program ini disokong penuh oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) menerusi penyaluran peruntukan khas berjumlah **RM500,000.00** bagi pembangunan projek utama, serta peruntukan tambahan sebanyak **RM100,000.00** bagi pelaksanaan projek secara kerjasama strategik bersama institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Daripada jumlah peruntukan tambahan TVET tersebut, 90% (RM90,000.00) disalurkan bagi pengurusan kos projek dan 10% (RM10,000.00) sebagai insentif saguhati kepada institusi TVET yang terlibat.
3. **Majlis Peluncuran** Program Kampung Angkat MADANI JTKSM 2026 berlangsung pada **21 Ogos 2026** dan disempurnakan oleh **Tuan Haji Kamal bin Pardi, Ketua Pengarah, JTKSM**. Program ini dijalankan pada **21 dan 22 Ogos 2026** bertempat di Surau dan Masjid Kampung Haji Noor.
4. Bagi mencapai objektif berkenaan, JTKSM telah merangka **empat skop projek utama** di Kampung Haji Noor:
 1. **Pembinaan Taman Rekreasi Mini dan Taman Permainan Kanak-Kanak:** Menyediakan ruang riadah yang selesa, selamat, dan mesra komuniti.
 2. **Naik Taraf Surau dan Bekalan Elektrik (Fasa 3):** Mempertingkatkan sistem bekalan elektrik kepada Fasa 3 serta menaik taraf fasiliti surau demi keselesaan jemaah dan kelancaran aktiviti keagamaan tempatan.

3. **Naik Taraf Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE):** Pelaksanaan kerja pendawaian semula, naik taraf bekalan elektrik Fasa 3, serta pembinaan dapur tambahan dengan memanfaatkan perkhidmatan dan kepakaran institusi TVET.
4. **Pelaksanaan Kursus Kemahiran Jangka Pendek:** Program pembangunan modal insan untuk belia dan komuniti kampung bagi meningkatkan kemahiran praktikal serta membuka peluang ekonomi dan kerjaya.
5. JTKSM berharap inisiatif ini bukan sahaja dapat menambah baik fasiliti asas kampung, malah mampu menceria dan memperkasakan ukhuwah serta kebolehpasaran sosioekonomi penduduk tempatan secara berterusan.

TAMAT

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pengarah

21 Ogos 2026